

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR]

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kutipan zakat setiap negeri dan menjelaskan mengapa Perlis dapat membuat kutipan yang tinggi serta sejauh mana kesan pelaksanaan zakat taawun di setiap negeri.

**JAWAPAN: (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF, MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Yang Dipertua,

Menurut Butiran II, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, urusan berkaitan zakat adalah termasuk di bawah bidangkuasa pihak berkuasa kerajaan negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dengan Duli Yang Maha Mulia Sultan atau Raja bertindak selaku Ketua Agama Islam Negeri. Manakala bagi Wilayah Persekutuan, Sabah, Sarawak dan Pulau Pinang maka Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong adalah bertindak selaku Ketua Agama Islam.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kutipan zakat setiap negeri adalah berbeza – beza. Maklumat berkaitan kutipan tersebut adalah seperti di lampiran. Berkaitan dengan kutipan zakat Perlis yang tinggi, perkara tersebut disebabkan inovasi pungutan zakat oleh pihak Majlis Agama Islam Perlis seperti memberi wakalah kepada pembayar zakat pendapatan individu untuk mengagihkan sendiri bantuan zakat kepada asnaf serta penglibatan DYTM Raja Muda sebagai Yang DiPertua MAIPs dalam mengagihkan zakat kepada asnaf meningkatkan keyakinan pembayar zakat kepada MAIPs

Impak kepada pelaksanaan zakat taawun ini memberi keyakinan kepada masyarakat untuk berzakat melalui Majlis Agama Islam Negeri/Agensi Mengurus Zakat kerana disamping melaksanakan kewajipan agama, pembayar zakat juga diberi peluang mengagihkan zakat kepada asnaf yang berdekatan dengan mereka. Sekian, terima kasih.

LAMPIRAN**JUMLAH KUTIPAN ZAKAT SETIAP NEGERI**

BIL	NEGERI	KUTIPAN (RM)	TEMPOH KUTIPAN
1	PERLIS	417,652,155.00	2011 – 2014
2	KEDAH	756,389,615.43	2014 – 2018
3	PULAU PINANG	465,376,343.72	2013 – 2017
4	PERAK	574,600,741.82	2014 – 2018 *Tiada maklumat kutipan 2017
5	SELANGOR	3,433,874,336.00	2014 – 2018
6	WILAYAH – WILAYAH PERSEKUTUAN	2,812,217,164.95	2013 – 2017
7	NEGERI SEMBILAN	367,061,948.88	2013 – 2016
8	MELAKA	280,385,620.70	2014 – 2017
9	JOHOR	1,164,481,203.20	2013 – 2017
10	PAHANG	622,008,627.46	2014 – 2018
11	TERENGGANU	678,436,670.08	2014 – 2018
12	KELANTAN	775,094,648.48	2014 – 2018
13	SARAWAK	328,270,213.00	2012 – 2016
14	SABAH	240,278,315.42	2014 – 2018 *Tiada maklumat kutipan 2017